



Ruj. Kami: KKM.S.100-1/8/6 (2)

Tarikh: 2 September 2015

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
Pengarah-Pengarah Kanan
Setiausaha-Setiausaha Bahagian
Pengarah-Pengarah Bahagian
Pengarah-Pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah-Pengarah Hospital / Institusi

YBhg. Datuk/Dato'/To' Puan/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN KETUA SETIAUSAHA BIL. 7 TAHUN 2015

- LARANGAN MERAKAM DAN MENYEBAR FOTO, VIDEO DAN MAKLUMAT SENSITIF MAHUPUN TERPERINGKAT DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/To' Puan/Tuan/Puan kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.4/2006 KKM.KPK.5303.20/11 Jld.10 (102) bertarikh 28 Ogos 2006 adalah berkaitan.

2. Seperti YBhg. Datuk/Dato'/To' Puan/Tuan/Puan sedia maklum, perkembangan teknologi yang canggih telah menyebabkan telefon bimbit atau telefon selular mempunyai pelbagai fungsi seperti merakam foto, video dan maklumat yang boleh dikongsikan secara mudah di media sosial. Ciri-ciri ini telah menjadikan penggunaannya berpotensi untuk menimbulkan pelbagai masalah di kawasan hospital samada dari aspek teknikal, keselamatan, *privacy* dan juga keselesaan pesakit.


3. Oleh itu, KKM amat memandang serius terhadap perkara ini dan tidak akan berkompromi terhadap semua penjawat awam yang didapati terlibat mengambil gambar yang memalukan dan menyebarkan rakaman foto, video, maklumat sensitif mahupun terperingkat yang mampu mencetuskan kekecohan dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat di samping menjadikan imej serta integriti perkhidmatan awam amnya dan KKM khususnya.

4. Kegagalan dalam mematuhi peraturan-peraturan ini boleh menyebabkan mana-mana penjawat awam diambil tindakan tatatertib kerana ingkar perintah mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Selain itu, kegagalan seseorang pegawai untuk menjalankan kawalan, pengawasan dan tindakan ke atas pegawai seliaan masing-masing adalah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugas dan tidak bertanggungjawab serta boleh dikenakan tindakan tatatertib.

5. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/To' Puan/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK DR. CHEN CHAW MIN)

s.k.:

Ketua Pengarah Kesihatan
Setiausaha Sulit Kanan Menteri Kesihatan
Setiausaha Sulit Kanan Timbalan Menteri Kesihatan